




PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI
2020
Selangor



PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2020



PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2020

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR



PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2020

Penyata Kewangan Negeri Selangor disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urusan niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2020.

Persembahan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.



PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Alhamdulillah, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 telah sempurna diaudit oleh Jabatan Audit Negara Malaysia dan berjaya mengekalkan Sijil Audit Bersih pada 27 Ogos 2021. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat di dalam penyediaan dan pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020. Kejayaan ini sudah tentunya terhasil daripada usaha, dedikasi, komitmen dan semangat kerja berpasukan yang ditunjukkan oleh warga kerja Perbendaharaan Negeri Selangor. Budaya kerja cemerlang ini seharusnya dikekalkan dan diteruskan pada setiap masa demi memastikan ***Visi Menerajui Kecemerlangan Dalam Perkhidmatan dan Pengurusan Kewangan Berintegriti*** dicapai.

Tahun 2020 menyaksikan penularan Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia dan Negeri Selangor turut menerima impaknya. Fenomena ini telah memberikan cabaran yang luar biasa kepada Perbendaharaan Negeri Selangor khususnya dan Kerajaan Negeri Selangor amnya dalam memastikan Sistem Penyampaian Awam dalam pengurusan kewangan Negeri berada di tahap yang cemerlang. Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Selangor (iSPEKS) pada 8 Januari 2020 telah banyak membantu meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan melibatkan terimaan hasil, bayaran dan pelaporan kewangan kepada pemegang-pemegang taruh di mana capaian kepada maklumat kewangan dapat dibuat dengan cepat bagi tujuan pembuatan keputusan yang berkesan.

Meskipun berdepan dengan cabaran yang luar biasa, prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2020 terus kekal stabil apabila mencatatkan lebih kewangan sebanyak RM93.22 juta. Lebihan ini disumbangkan oleh kecekapan kutipan hasil Kerajaan Negeri yang melepasi sasaran apabila berupaya merekodkan kutipan sebanyak RM2,257.65 juta atau 2.62 peratus lebih tinggi daripada sasaran sebanyak RM2,200 juta. Selain itu, kawalan perbelanjaan yang berhemah dan berkesan telah berjaya menghasilkan penjimatan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri apabila prestasi perbelanjaan mengurus merekodkan perbelanjaan berjumlah RM1,216.18 juta atau 94.81% daripada RM1,282.82 yang dibelanjawankan. Manakala prestasi perbelanjaan pembangunan pula merekodkan perbelanjaan berjumlah RM948.25 juta atau 83.69% daripada RM1,133.00 yang dibelanjawankan. Kejayaan ini telah menyumbang kepada peningkatan rezab Kerajaan Negeri yang dipegang melalui Akaun Hasil Disatukan kepada RM383.42 juta pada 31 Disember 2020.

Perbendaharaan Negeri Selangor akan terus komited dalam merencana dan merumus strategi kewangan yang berkesan bagi memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berdaya tahan dan dapat memenuhi obligasi sosial serta keperluan pembangunan ekonomi Negeri Selangor.

DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor



HASIL 2.69%

2020 : RM 2,257.65 JUTA
2019 : RM 2,320.17 JUTA



BELANJA MENGURUS 0.78%

2020 : RM 1,216.18 JUTA
2019 : RM 1,225.77 JUTA



BELANJA PEMBANGUNAN 27.75%

2020 : RM 948.25 JUTA
2019 : RM 1,312.51 JUTA



AKAUN HASIL DISATUKAN 43.45%

2020 : RM 383.42 JUTA
2019 : RM 267.29 JUTA



(DEFISIT)/LEBIHAN 142.74%

2020 : RM 93.22 JUTA
2019 : (RM 218.11 JUTA)

SOROTAN 2020



AKAUN AMANAH DISATUKAN 9.99%

2020 : RM 2,061.70 JUTA
2019 : RM 1,874.48 JUTA



PELABURAN 10.97%

2020 : RM 2,177.83 JUTA
2019 : RM 1,962.51 JUTA



MEMORANDUM ASET 4.83%

2020 : RM 1,315.48 JUTA
2019 : RM 1,382.20 JUTA



AKAUN BELUM TERIMA 7.47%

2020 : RM 482.09 JUTA
2019 : RM 448.60 JUTA



MEMORANDUM LIABILITI 0.07%

2020 : RM 1,109.67 JUTA
2019 : RM 1,110.40 JUTA

KANDUNGAN

	Muka Surat
PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2020	iii
PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR	v
SOROTAN 2020	vi
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	xi
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020	xxv
PENYATA KEWANGAN	
Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020	3
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor	5
Penyata Kedudukan Kewangan	6
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	7
Penyata Prestasi Kewangan	8
Penyata Akaun Memorandum	9
Nota kepada Penyata Kewangan	10
LAMPIRAN KEPADA NOTA	
LAMPIRAN	
Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	39
Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	47
Lampiran 3 Penyata Perbelanjaan Pembangunan Hutan	51
Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	55
Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	67
Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	71





LAPORAN BENDAHARI NEGERI



LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Tahun 2020 merupakan satu tahun yang memberikan cabaran tinggi kepada Perbendaharaan Negeri Selangor khususnya dalam aspek pengurusan kewangan dan perakaunan bagi menjamin akauntabiliti dan ketelusan fungsi dan operasi Kerajaan Negeri Selangor terpelihara. Pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia turut memberi kesan risiko yang tidak menentu kepada aspek pembangunan dan perancangan ekonomi Negeri Selangor. Ketidaktentuan risiko luaran ini telah ditangani dengan keberkesanan polisi kawalan perbelanjaan yang berhemah dan kecekapan jentera kutipan hasil Kerajaan Negeri. Pelaksanaan Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri Selangor (iSPEKS) pada 8 Januari 2020 telah membantu meningkatkan sistem penyampaian awam dalam aspek perakaunan kutipan hasil negeri, kecekapan pembayaran dan penyaluran maklumat perakaunan dan kewangan yang tepat bagi tujuan pembuatan keputusan oleh pemegang-pemegang taruh.

Laporan ini akan membentangkan maklumat prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 berdasarkan Penyata

Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang telah disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan serta *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under Cash Basis of Accounting*. Ianya telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pada 1 Mac 2021.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor mengandungi tiga akaun utama mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selain itu ia turut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan penjelasan lanjut maklumat kewangan yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

Belanjawan Tahun 2020 yang telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Selangor pada 4 November 2019,


memperuntukkan sebanyak RM1,200.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus. Selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Perkara LXXXV Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Selangor 1959 (Bab 6 – Kewangan), Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor kemudiannya telah meluluskan peruntukan tambahan Vot Tanggungan T04 berjumlah RM82.82 juta menjadikan jumlah peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM1,282.82 juta. Manakala sejumlah RM1,133.00 juta pula telah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Pembangunan. **Carta 1** menunjukkan angka belanjawan dan perbelanjaan sebenar bagi Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Negeri Selangor tahun 2020.

Sehingga 31 Disember 2020, prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan adalah berjumlah RM2,164.43 juta, atau 89.59% daripada peruntukan keseluruhan berjumlah RM2,415.82 juta. Secara spesifiknya, prestasi Perbelanjaan Mengurus merekodkan perbelanjaan berjumlah RM1,216.18 juta manakala Perbelanjaan Pembangunan pula berjumlah RM948.25 juta. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan. Prestasi Perbelanjaan Tanggungan merekodkan perbelanjaan berjumlah RM143.01 juta, atau 97.21% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM147.11 juta. Prestasi Perbelanjaan Bekalan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak

RM1,073.18 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), atau 94.49% daripada peruntukan berjumlah RM1,135.71 juta. Ini bermakna prestasi Perbelanjaan Mengurus secara keseluruhannya adalah berjumlah RM1,216.18 juta atau 94.81% daripada jumlah peruntukan Mengurus sebanyak RM1,282.82 juta.

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM948.25 juta atau 83.69% daripada jumlah peruntukan Pembangunan sebanyak RM1,133.00 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan yang dibiayai secara langsung adalah berjumlah RM943.37 juta, manakala secara Pinjaman Persekutuan adalah berjumlah RM4.88 juta.

**CARTA 1 :
BELANJAWAN DAN PERBELANJAAN SEBENAR
BAGI PERUNTUKAN MENGURUS DAN
PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR TAHUN
2020.**




PRESTASI KEWANGAN

Kutipan hasil pada tahun 2020 telah merekodkan kutipan yang melebihi sasaran

iaitu berjumlah RM2,257.65 juta berbanding sasaran yang dibelanjawankan sebanyak RM2,200.00 juta. Pencapaian ini merekodkan lebih kutipan sebanyak RM57.65 juta atau lebih sebanyak 2.62%. Prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan dan kawalan perbelanjaan yang berhemah telah berjaya menjadikan kewangan Kerajaan Negeri Selangor mencatatkan lebih kewangan berjumlah RM93.22 juta berbanding defisit yang dibelanjawankan sebanyak RM215.82 juta (mengambil kira peruntukan tambahan vot tanggungan T04 sebanyak RM82.82 juta).

Carta 2 menunjukkan rekod prestasi kutipan hasil dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 hingga 2020.



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan jumlah wang

tunai dan pelaburan yang dipegang bagi maksud ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Carta 3 menunjukkan perbandingan rekod bagi Kumpulan Wang Disatukan untuk tahun 2016 hingga 2020.




WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM267.29 juta yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM3.66 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM0.02 juta dan Wang Tunai Dalam Bank berjumlah RM263.61 juta (termasuk Deposit


Jangka Pendek kurang tiga bulan). **Carta 4** menunjukkan secara grafik kedudukan Wang Tunai pada 31 Disember 2020.



Pelaburan

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM2,177.83 juta berbanding RM1,962.51 juta pada 31 Disember 2019. Deposit Dalam Negeri berbentuk simpanan tetap melebihi tempoh tiga bulan merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan. Maklumat terperinci mengenai pelaburan ini boleh dirujuk kepada Nota 4 dalam Penyata Kewangan. Selain daripada simpanan tetap, Kerajaan Negeri Selangor juga membuat pelaburan dalam bentuk ekuiti/sukuk melalui Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor yang ditubuhkan di bawah enakmen masing-masing. **Carta 5** menunjukkan perbandingan rekod pelaburan Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2016 hingga 2020.

**CARTA 5 :
PERBANDINGAN REKOD PELABURAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARI TAHUN
2016 HINGGA 2020.**




KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN


Sehingga 31 Disember 2020, baki akhir Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Selangor adalah berjumlah RM383.42 juta. Angka ini menunjukkan kenaikan sebanyak 43.45% berbanding tahun sebelumnya pada 2019 yang berjumlah RM267.29 juta. **Carta 6** menunjukkan perbandingan rekod kedudukan Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Selangor dari tahun 2016 hingga 2020.

CARTA 6 : PERBANDINGAN REKOD KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARI TAHUN 2016 HINGGA 2020.



adalah berjumlah RM1,360.49 juta. Bagi Terimaan Bukan Hasil pula adalah berjumlah RM277.85 juta. **Carta 7** menunjukkan pecahan jenis hasil pada tahun 2020.

CARTA 7: PECAHAN KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR TAHUN 2020




Prestasi Kutipan Hasil

Hasil Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Prestasi keseluruhan kutipan hasil ini pada tahun 2020 adalah sebanyak RM2,257.65 juta, merupakan peningkatan sebanyak 2.62% daripada yang dibelanjawankan. Namun begitu, angka kutipan ini jika dibandingkan dengan tahun 2019 menunjukkan pengurangan sebanyak 2.69% atau pengurangan sebanyak RM62.51 juta. Angka kutipan hasil yang direkodkan pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2,320.17 juta.


Secara spesifiknya, kutipan Hasil Cukai pada tahun 2020 adalah berjumlah RM619.31 juta manakala kutipan Hasil Bukan Cukai pula

Manakala, **Carta 8** dan **Carta 9** pula menunjukkan rekod prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 hingga 2020.


CARTA 8 : PRESTASI KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR TAHUN 2016 HINGGA 2020 (RM JUTA)



**CARTA 9 :
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI
SELANGOR BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020.**



**CARTA 10 :
PECAHAN PERBELANJAAN MENGURUS PADA
TAHUN 2020.**




Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada perbelanjaan untuk Emolumen, perbelanjaan untuk Perkhidmatan dan Bekalan, pembelian Aset, Pemberian Dan Kenaan Tetap dan Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Dan Bekalan merekodkan jumlah perbelanjaan tertinggi sebanyak RM468.25 juta. Perbelanjaan kedua tertinggi pula ialah Emolumen yang telah merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM429.29 juta. Seterusnya, diikuti oleh perbelanjaan melibatkan Pemberian dan Kenaan Tetap sebanyak RM265.64 juta. Perbelanjaan-perbelanjaan Lain dan perbelanjaan untuk Aset masing-masing sebanyak RM44.94 juta dan RM8.06 juta. **Carta 10** menunjukkan pecahan perbelanjaan mengurus pada tahun 2020.

Carta 11 pula menunjukkan perbandingan rekod prestasi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2016 hingga 2020.

**CARTA 11 : PRESTASI PERBELANJAAN
MENGURUS KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI
TAHUN 2016 HINGGA 2020.**




AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan. Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2020 adalah berbaki sifar.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2020, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki berjumlah RM2,061.70 juta berbanding RM1,874.48 juta pada tahun 2019.

Carta 12 menunjukkan perbandingan rekod baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit bagi tahun 2019 dan 2020.



Kumpulan Wang Amanah Kerajaan


Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan Negeri Selangor dan lain-lain berdasarkan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan;
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan; dan
- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Perbelanjaan Pembangunan - Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor dibiayai melalui Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM925.34 juta dan Terimaan daripada Persekutuan berkaitan tahap pembangunan dan ekonomi berjumlah RM18.43 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM943.77 juta. **Carta 13** menunjukkan perbandingan rekod perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor bagi tahun 2016 hingga 2020.

CARTA 13:
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN
2016 HINGGA 2020.



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan berdasarkan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan semua terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Pada 31 Disember 2020, baki Kumpulan Wang Pinjaman ini adalah berjumlah RM2.75 juta berbanding RM6.31 juta pada 31 Disember 2019. Penurunan baki kumpulan wang ini adalah disebabkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman perumahan yang meningkat pada tahun 2020.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan (Akaun Stor dan Kerja Tak Beruntuk dan *Workshop*; dan Akaun

Workshop Jabatan Kerja Raya), Akaun Pinjaman selain Perumahan, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini merekodkan baki sebanyak RM1,055.47 juta dalam tahun 2020 berbanding RM987.41 juta dalam tahun 2019. Nota 7 Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2020 menjelaskan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini.

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan merupakan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Kumpulan Wang ini telah mencatatkan penurunan kepada RM25.65 juta dalam tahun 2020 berbanding RM27.15 juta dalam tahun 2019. Pada tahun 2020, perbelanjaan Pembangunan Hutan berjumlah RM4.48 juta dibiayai daripada sumber Ses Hutan berjumlah RM2.98 juta dan sumber sedia ada dalam akaun Kumpulan Wang ini berjumlah RM27.15 juta.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran wang amanah Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang Amanah Awam merekodkan baki berjumlah RM310.79 juta pada tahun 2020 berbanding RM376.26 juta pada tahun 2019.

Deposit

Deposit Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada Deposit Am dan Khusus serta Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Khusus adalah deposit wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara untuk tujuan pelarasan kepada akaun tertentu. Pada tahun 2020, Akaun Deposit merekodkan baki akhir berjumlah RM617.04 juta berbanding RM427.34 juta pada tahun 2019.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Aliran tunai Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2020 merekodkan urusan terimaan tunai berjumlah RM10,777.74 juta manakala urusan bayaran tunai pula berjumlah RM10,689.70 juta.

Secara spesifiknya, urusan terimaan tunai melibatkan terimaan hasil sebanyak RM2,257.65 juta, pelbagai terimaan modal sebanyak RM21.41 juta dan terimaan amanah sebanyak RM8,498.68 juta.

Urusniaga bayaran tunai pula melibatkan bayaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,209.55 juta, bayaran Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM948.25 juta, pembayaran berkaitan pembelian instrumen

kewangan berjumlah RM215.32 juta, bayaran Pinjaman Dalam Negeri berjumlah RM6,637.08 dan bayaran melibatkan Akaun Amanah berjumlah RM8,309.95 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM ASET

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan aset-aset kewangan dan liabiliti Kerajaan Negeri Selangor yang tidak dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang menggunakan asas perakaunan tunai ubahsuai. Penyata ini menggunakan format Piawaian Perakaunan Kerajaan 8 (PPK 8) dalam membuat pendedahan berkaitan maklumat ini.


Memorandum Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan dalam bentuk pegangan ekuiti dalam anak-anak syarikat Kerajaan Negeri.

Pinjaman Boleh Dituntut

Kerajaan Negeri Selangor turut memperuntukkan sejumlah amaun kepada anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai aktiviti dan projek yang dilaksanakan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2020 adalah berjumlah RM1,124.38 juta berbanding RM1,191.10 juta pada 31 Disember 2019.

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri dalam bentuk pegangan ekuiti dalam anak-anak syarikat merekodkan jumlah nilai buku pelaburan sebanyak RM191.10 juta pada 31 Disember 2020. **Carta 14** menunjukkan perbandingan kedudukan Akaun Memorandum Aset berkaitan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan bagi tahun 2016 hingga 2020.




PENYATA AKAUN MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti yang dilaporkan bersekali dengan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan baki hutang awam Kerajaan Negeri Selangor berkaitan Projek Bekalan Air berjumlah RM1,084.76 juta, Amanah Saham Selangor berjumlah RM6.87 juta dan hutang berkaitan pembiayaan Projek Perluasan Zon Perindustrian Sg Way Petaling Jaya

berjumlah RM13.16 juta. Ketiga-tiga ini menjadikan jumlah keseluruhan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM1,104.79 juta pada tahun 2020.

Hutang Awam berkaitan Projek Bekalan Air merupakan komponen terbesar yang dijangka akan dimuktamadkan dengan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2021 untuk dipindahkan sepenuhnya kepada Pengurusan Aset Air Berhad.

Carta 15 menunjukkan pecahan hutang awam Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2020.



PENUTUP

Di sebalik pandemik Covid-19 yang melanda Negara dan Selangor khususnya, Prestasi dan Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor kekal stabil. Kejayaan jentera Kerajaan Negeri Selangor dalam

menguruskan kutipan hasil dan kawalan perbelanjaan yang berhemah telah menyumbang kepada lebihan kewangan keseluruhannya berjumlah RM93.22 juta. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan juga telah meningkat kepada RM383.42 juta sekaligus berupaya untuk menampung keperluan defisit yang telah dibelanjawankan pada tahun 2021 sebanyak RM123 juta.


Tahun 2021 dijangka akan lebih getir dan memberi cabaran kepada keutuhan sistem penyampaian awam dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri. Adalah menjadi keutamaan Perbendaharaan Negeri Selangor untuk sentiasa bersiap siaga menghadapi ketidaktentuan ekonomi agar sentiasa berupaya menawarkan perkhidmatan yang cemerlang dalam aspek pelaporan maklumat kewangan yang tepat, sahih dan relevan bagi tujuan pembuatan keputusan yang berkesan.





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2020**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 Kerajaan Negeri Selangor, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 35.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor termasuk pendedahannya dan sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Hal-hal Lain

Kerajaan Negeri Selangor hendaklah memastikan kawalan dalaman terhadap pengurusan terimaan dilaksanakan dengan lebih teratur terutama bagi perkara berikut:

- a. Memastikan transaksi terimaan diperakaunkan segera dalam tahun ianya diterima supaya penyata kewangan yang disediakan pada akhir tahun kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama.
- b. Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan secara bulanan, disemak dan diambil tindakan segera terhadap *unreconciled item*. Pelarasan perlu dibuat sewajarnya supaya baki Wang Tunai dan transaksi berkaitan yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah tepat.

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

27 OGOS 2021





PENYATA KEWANGAN



GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2020

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

WANG AWAM

Wang Tunai

Pelaburan

KUMPULAN WANG DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Amanah Disatukan

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Memorandum Aset

Pinjaman Boleh Dituntut

Pelaburan

Memorandum Liabiliti

Hutang Awam

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2020.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2020.



DATO' HAJI HARIS BIN KASIM D.P.M.S., S.I.S., A.S.A., P.P.T.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

18 Ogos 2021



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri

18 Ogos 2021

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

		2020	2019
	Nota	RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	267,294,007.95	179,253,796.92
PELABURAN	4	2,177,833,171.53	1,962,513,419.07
		2,445,127,179.48	2,141,767,215.99
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	383,422,759.86	267,289,992.36
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	2,061,704,419.62	1,874,477,223.63
		2,445,127,179.48	2,141,767,215.99

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

		2020		2019	
	Nota	RM	RM	RM	RM
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		619,314,008.93		700,708,422.65	
Hasil Bukan Cukai		1,360,485,906.06		1,338,441,463.86	
Terimaan Bukan Hasil		<u>277,853,632.51</u>	2,257,653,547.50	<u>281,018,649.00</u>	2,320,168,535.51
Pinjaman					
Dalam Negeri	6	0.00		12,435,853.00	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	0.00	<u>0.00</u>	12,435,853.00
Terimaan Modal					
Pelbagai Terimaan Modal	7	21,408,595.74		22,111,398.03	
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	21,408,595.74	<u>0.00</u>	22,111,398.03
Terimaan Lain					
Terimaan Amanah	7	<u>8,498,679,838.53</u>	8,498,679,838.53	<u>15,878,245,670.42</u>	15,878,245,670.42
Jumlah Terimaan			<u>10,777,741,981.77</u>		<u>18,232,961,456.96</u>
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		429,291,750.87		456,750,859.85	
Perkhidmatan dan Bekalan		468,253,722.79		498,449,688.08	
Aset		8,061,644.46		11,879,623.42	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		259,002,093.26		185,105,336.70	
Perbelanjaan Lain		<u>44,938,195.75</u>	1,209,547,407.13	<u>66,950,231.14</u>	1,219,135,739.19
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		943,368,630.12		1,303,948,802.53	
Pinjaman		<u>4,879,111.73</u>	948,247,741.85	<u>8,559,064.01</u>	1,312,507,866.54
Perbelanjaan Modal					
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>215,319,752.46</u>	215,319,752.46	<u>244,679,125.56</u>	244,679,125.56
Pinjaman					
Dalam Negeri	9	6,637,082.19		6,637,082.19	
Luar Negeri		<u>0.00</u>	6,637,082.19	<u>0.00</u>	6,637,082.19
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>8,309,949,787.11</u>	8,309,949,787.11	<u>15,688,289,034.45</u>	15,688,289,034.45
Jumlah Bayaran			<u>10,689,701,770.74</u>		<u>18,471,248,847.93</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai			88,040,211.03		(238,287,390.97)
Wang Tunai Pada 1 Januari			179,253,796.92		417,541,187.89
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			<u>267,294,007.95</u>		<u>179,253,796.92</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

		2020	2019
	Nota	Anggaran RM	Sebenar RM
HASIL	5	2,200,000,000.00	2,257,653,547.50
Tolak:			
Belanja Mengurus*	5	1,282,821,222.20	1,216,184,489.32
		917,178,777.80	1,041,469,058.18
LEBIHAN HASIL			1,094,395,714.13
Tolak:			
Belanja Pembangunan	7	1,133,000,000.00	948,247,741.85
		(215,821,222.20)	(93,221,316.33)
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN			(218,112,152.41)
DIBIYAI OLEH:			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		-	12,435,853.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		21,408,595.74	22,111,398.03
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		(114,629,912.07)	183,564,901.38
JUMLAH PEMBIAYAAN		(93,221,316.33)	218,112,152.41

* Termasuk peruntukan tambahan bagi perbelanjaan Vot Tanggungan T04 berjumlah RM82,821,222.20 berdasarkan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bilangan 20/2020 dan bilangan 37/2020 selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 (Bab 6-Kewangan) Perkara LXXXV.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

		2020 RM	2019 RM
	Nota		
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		1,124,380,629.62	1,191,096,903.67
Pelaburan		191,103,697.00	191,103,697.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		1,104,793,128.42	1,110,404,285.30

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

- iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urus niaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Perihal	2020 RM	2019 RM
Wang Tunai Dalam Bank	263,614,508.85	175,395,528.71
Wang Tunai Dalam Perjalanan	17,749.10	196,818.21
Wang Tunai Dalam Tangan	3,661,750.00	3,661,450.00
JUMLAH WANG TUNAI	267,294,007.95	179,253,796.92

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am serta dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Pelaburan pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

	2020 Nilai Buku		2019 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Perihal	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor	689,490,321.58	-	651,166,442.04	-
Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam	77,525,399.94	-	72,625,755.13	-
Pelaburan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	98,410,948.01	-	66,314,719.90	-
Jaminan AGRO Bank	-	10,000,000.00	-	10,000,000.00
Saham*	-	262,406,502.00	-	262,406,502.00
Deposit Dalam Negeri	-	1,040,000,000.00	-	900,000,000.00
Jumlah	865,426,669.53	1,312,406,502.00	790,106,917.07	1,172,406,502.00
JUMLAH PELABURAN	2,177,833,171.53		1,962,513,419.07	

* Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Perihal	2020			2019	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		267,289,992.36		463,091,456.50	
HASIL					
Hasil Cukai	693,597,930.00	619,314,008.93	89.29	700,708,422.65	100.18
Hasil Bukan Cukai	1,269,118,470.00	1,360,485,906.06	107.20	1,338,441,463.86	104.61
Terimaan Bukan Hasil	237,283,600.00	277,853,632.51	117.10	281,018,649.00	127.13
Jumlah Hasil	2,200,000,000.00	2,257,653,547.50	102.62	2,320,168,535.51	105.46
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	451,306,252.47	429,291,750.87	95.12	456,750,859.85	96.76
Perkhidmatan Dan Bekalan	494,531,747.36	468,253,722.79	94.69	498,449,688.08	96.57
Aset	8,336,274.54	8,061,644.46	96.71	11,879,623.42	97.98
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap *	267,365,851.09	265,639,175.45	99.35	191,742,418.89	95.08
Perbelanjaan Lain	61,281,096.74	44,938,195.75	73.33	66,950,231.14	85.78
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	1,282,821,222.20	1,216,184,489.32	94.81	1,225,772,821.38	95.76
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan/ Hutan	1,108,000,000.00	925,336,290.68	83.51	1,290,197,178.27	93.56
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	2,390,821,222.20	2,141,520,780.00	89.57	2,515,969,999.65	94.62
Lebihan/ (Kurangan) bagi Tahun	(190,821,222.20)	116,132,767.50		(195,801,464.14)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		383,422,759.86		267,289,992.36	

* Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Perihal	2020				2019	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	568,211,000.00	568,211,000.00	542,114,553.48	95.41	563,945,113.19	97.85
Cukai Parit & Taliair	19,681,930.00	19,681,930.00	18,880,652.11	95.93	26,517,814.20	101.13
Cukai Eksport Hasil Hutan	48,005,000.00	48,005,000.00	36,153,914.84	75.31	45,059,533.98	112.64
Cukai Hiburan	57,700,000.00	57,700,000.00	22,164,888.50	38.41	65,185,961.28	114.56
Jumlah Hasil Cukai	693,597,930.00	693,597,930.00	619,314,008.93	89.29	700,708,422.65	101.18
HASIL BUKAN CUKAI						
Bayaran Pendaftaran, Lesen & Permit	92,187,194.00	92,187,194.00	94,285,462.91	102.28	109,070,345.02	135.82
Perkhidmatan & Bayaran	97,745,285.00	97,745,285.00	89,254,165.96	91.31	120,392,407.09	126.20
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	974,976,479.00	974,976,479.00	1,081,943,613.42	110.97	1,025,539,247.44	104.81
Sewaan	4,915,954.00	4,915,954.00	21,905,890.73	445.61	5,759,994.47	117.76
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	76,631,758.00	76,631,758.00	56,070,890.86	73.17	53,848,421.88	61.42
Denda & Hukuman	20,661,800.00	20,661,800.00	17,025,882.18	82.40	23,831,047.96	77.47
Sumbangan & Bayaran Ganti	2,000,000.00	2,000,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Jumlah Hasil Bukan Cukai	1,269,118,470.00	1,269,118,470.00	1,360,485,906.06	107.20	1,338,441,463.86	104.61
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulang Balik Perbelanjaan	12,438,462.00	12,438,462.00	31,980,175.52	257.11	43,836,786.70	358.31
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	224,845,138.00	224,845,138.00	245,288,600.96	109.09	237,181,862.30	113.59
Keuntungan Atas Jualan/ Pelupusan Aset	0.00	0.00	28,780.00	0.00	0.00	0.00
Lain-lain Terimaan	0.00	0.00	556,076.03	0.00	0.00	0.00
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	237,283,600.00	237,283,600.00	277,853,632.51	117.10	281,018,649.00	127.13
JUMLAH HASIL	2,200,000,000.00	2,200,000,000.00	2,257,653,547.50	102.62	2,320,168,535.51	105.46

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut Undang-Undang Negeri. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan ganti rugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun peruntukan bagi menampung Perbelanjaan Tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Negeri Selangor, ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

